

UPM Angels juara kejohanan Ragbi Liga Super 2016

Oleh MUHAMMAD RIDUAN
MOHD. HANAFIAH

IMPIAN pasukan Keris Conlay untuk mempertahankan kejuaraan musim lalu tidak kesampaian apabila tewas kepada UPM Angels 16-13 pada perlawanan akhir kejohanan Ragbi Liga Super 2016 semalam.

Pada perlawanan sengit tersebut, UPM Angels mempamerkan rentak bertenaga dengan mendahului perlawanan apabila Muhammad Faizal Tahir melakukan sepakan penalti serta *conversion* sebelum pemain sayap, Faat Hor Rozi Ismail berjaya menggandakan kedudukan melalui *try*, sekali gus berjaya menamatkan separuh masa pertama dengan keputusan 10-3.

Pada babak kedua, Keris Conlay terus mengatur strategi apabila melakukan *try* melalui Jone Marawa Nasalo sebelum berjaya

menyempurnakan *conversion* dan penalti, sekali gus kembali di hadapan dengan keputusan 10-13.

Bagaimanapun, keputusan tersebut tidak bertahan lama apabila UPM Angels terus mengganas selepas menyempurnakan dua penalti menyebabkan hasrat Keris Conlay untuk menggandakan kemenangan tahun ini tidak kesampaian apabila perlawanan edisi ketiga tersebut berakhir dengan keputusan 16-13.

Jurulatih UPM Angels, Khairizal Ali Amat berkata, kemenangan itu cukup bermakna buat skuad kendaliannya kerana berjaya menempuh pelbagai cabaran ketika melakukan persediaan menjelang kejohanan tersebut.

"Saya bangga dengan komitmen para pemain kerana telah menunjukkan semangat juang yang tinggi serta tidak mudah mengaku kalah sehingga menjuarai kejohanan ini, walaupun perlu berdepan pelbagai



PARA pemain UPM Angels meraikan kejayaan muncul juara kejohanan Ragbi Liga Super setelah menewaskan Keris Conlay 16-13 di Bangi semalam.

masalah ketika melakukan persediaan.

"Dengan gabungan muka baharu dan pemain berpengalaman, ditambah lagi keazaman untuk menjulang kejuaraan

serta menunjukkan potensi kepada peminat ragbi tanah air, mereka (pemain) tampil dengan aksi yang cukup cemerlang untuk bergelar juara," katanya kepada pemberita di Stadium Mini

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Sementara itu, jurulatih Keris Conlay, Mohd. Farid Syazwan Abu Bakar berkata, pasukannya telah berusaha mempamerkan aksi yang terbaik, namun menganggap bukan rezeki buat pasukannya untuk mengekalkan kejuaraan tahun lalu.

"Pemain saya telah menunjukkan kesungguhan sejak peringkat kumpulan sehingga separuh akhir. Bagi aksi final, pasukan mana yang banyak mengurangkan kesilapan akan menjuarai perlawanan ini.

"Kita akui nasib tidak menyebelahi kami," kata Farid Syazwan yang percaya pasukannya akan bangkit dan tekad bekerja keras lagi pada edisi akan datang.

Hasil kejayaan itu membolehkan UPM Angels membawa pulang piala pusingan dan wang tunai sebanyak RM10,000.